

Perniagaan tidak patut diasing ikut kaum: PM

BH 29 AUG 2001

KUALA LUMPUR, Selasa – Bidang perniagaan tidak perlu diasingkan berdasarkan pengenalan kaum tertentu sekalipun Malaysia mempunyai rakyat berbilang bangsa, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, penyertaan semua bangsa dalam perniagaan pelbagai kaum tidak bererti mengetepikan kepentingan kaum tertentu.

“Yang penting ialah semua kaum di Malaysia mendapat bahagian daripada ekonomi negara kita,” katanya pada majlis sambutan Jubli Emas Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Malaysia (Maicci) di sini, malam ini.

Mengenai ahli perniagaan keturunan India, Dr Mahathir berkata, ketika ini kebanyakan mereka memberi tumpuan dalam bidang tertentu seperti perniagaan runcit, pengedaran, hidangan makanan dan pembinaan serta bagi memenuhi kehendak dan kepentingan masyarakat India.

Sehubungan itu, beliau mencadangkan mereka memperluaskan skop perniagaan meliputi sektor perkilangan dan

perkhidmatan serta industri lain yang berpotensi tinggi untuk berkembang seperti bioteknologi, peralatan dan kejenjeraan, pembungkusan dan pembangunan multimedia.

“Memandangkan pasaran Malaysia agak kecil, kerjasama dengan pelabur asing perlu diwujudkan untuk memperoleh teknologi serta pasaran dan kaedah baru berniaga,” katanya.

Beliau menyarankan supaya usahawan India menyusun semula organisasi dan amalan perniagaan mereka sejajar dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi.

Katanya, kaum yang tidak bersedia melengkapkan diri dengan perubahan zaman akan tercicir kerana hanya mereka yang mempunyai keupayaan dan keyakinan saja dapat menghadapi persaingan.

Selain itu, katanya, mereka perlu memberi perhatian dan komitmen meningkatkan perpaduan nasional kerana ia dapat menjamin hasrat dan cita-cita semua kaum di negara ini menikmati keharmonian hidup serta kemajuan pembangunan.

“Usaha memupuk integrasi nasional perlu dijalankan setiap masa dan pada semua peringkat. Kita perlu sentiasa berwaspada terhadap anasir yang cuba menggugat kedamaian dan keharmonian hidup di negara ini. Kita tidak boleh bertolak-ansur dalam hal ini,” katanya.

Beliau juga berkata, kerajaan tidak pernah meminggirkan kepentingan mana-mana kaum di negara ini dalam penggubalan sesuatu dasar atau strategi kerana prihatin dengan masalah yang dihadapi mereka.

Sehubungan itu, katanya, dalam penggubalan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3), Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua mengandungi ahli pelbagai kaum, termasuk kaum India.

“Malah, dalam RRJP3 kerajaan menyatakan komitmen terhadap kedudukan ekonomi kaum India. Usaha akan dijalankan untuk meningkatkan ekuiti mereka dalam sektor korporat daripada 1.5 peratus pada 1999 kepada tiga peratus menjelang 2010,” katanya.